

ingin bertanya kepada mereka, dari golongan mana mereka dan dengan budi baik mereka menjawab bahawa mereka dari Jamiyat al-Tabligh yang kalau tak salah katanya berpusat di Delhi atau pun di Lahore. Ketua mereka ialah Maulana Muhammad Yusuf yang pada tahun 1964 ada menunaikan fardu haji di Makkah.

Mubaligh-mubalighin mengatakan bahawa mereka itu berjalan merata-rata negeri dengan inisiatif sendiri dan belanja sendiri. Kalau ada daripada golongan mereka yang mampu ia menaiki kapal terbang dengan belanja sendiri iaitu mereka yang hartawan yang memberikan jasanya tiga empat bulan untuk merata-rata membuat tabligh.

Dengan demikian ramailah golongan ini bertabligh ke mana-mana dengan tidak mengantungkan belanjanya dan dirinya daripada saku orang lain – dan terus-menerus mereka menjalankan tugas sama ada di bandar-bandar besar ataupun di dusun-dusun yang kecil. Sungguh berbahagia mubaligh-mubaligh seperti ini mudah-mudahan Allah memberkati mereka.

Peristiwa ini mengingatkan pula aku kepada peristiwa kejadian yang terjadi di tanah air kita itu yang dilakukan oleh mereka-mereka yang mengaku dan mengakui sebagai mubaligh Islam. Sebahagiannya bukan semuanya ada yang mendasarkan bahawa dalam masa mereka mengadakan tabligh itu mereka “bukan malaikat” – mereka perlu makan, perlu pakaian dan perlu segala-galanya – dan ada pula yang perlu undangan – *tawakh* – kalau diundang tentunya dengan kapal terbang – dan ditanggung oleh yang mengundang bukan!?

Walhasil aku melihat ada bermacam-macam coraknya: ada yang tidak mahu datang kalau tidak dibayar “duit kereta” – ada yang menentukan kalau datang dari luar – sesuatu tabligh mesti dibayar \$50 sekali

tabligh dan ada pula yang berhajat supaya hasil tabung yang diedarkan masa bertabligh itu untuk mubaligh itu. Ada pula cap kitab modalnya 8 sen dijual seringggit di majlis tabligh itu dan ada pula yang mengatakan pungutan untuk ini dan untuk itu.

Tetapi ada pula orang-orang yang datang dengan kerana Allah. Suakan dengan cara terang ataupun cara gelap ditolaknyanya. Orang ini berkata: “Tuhan lebih *Karim* daripada tuan dan ini tugas bagi tiap-tiap orang, kerana kalau dasar tabligh pakai tabung, pakai jualan orang makin jauh apalagi mubaligh-mubalighnya suka mengangkat-angkat diri, membesar-besarkan diri dan mengagungkan diri mengeluarkan perkataan-perkataan pedas tidak tahu membaiki, tabligh semacam ini menjadikan orang membawa kapas menyumbat telinganya, tidak mahu mendengarnya hanya kehadiran mereka di situ meraikannya – tidak mendengarnya.

\* \* \*


#### Suara Kerajaan...

Nun hampir-hampir di sebelah timur Pulau Jawa di tanah Kediri tanah asal tumpah darah Radin Emas terjadi suatu peristiwa di dalam suatu perhimpunan di zaman pemerintahan Bung Karno. Sebuah pertubuhan agama yang berdasarkan sosial telah mengadakan permesyuaratan agungnya untuk memilih petugas-petugas yang akan bertanggungjawab menjalankan pertubuhan itu.

Seorang pujangga, “ulama” telah mengerusikan majlis itu. Di dalam pembukaan majlis itu, beliau menyatakan di dalam sidang itu bahawa tiga orang daripada petugas-petugas yang telah lalu tidak dikehendaki oleh rejim Sukarno dan kerana itu saudara-saudara jangan melantik mereka.

Ketiga-tiga orang yang disebut itu ada di sana dan kebetulan seorang

...Tahukah tuan...?



Semut putih (anai-anai) adalah sejenis binatang melata yang anggotanya tersusun daripada dua bahagian. Bahagian kepala menyerupai kepala semut dan bahagian badan menyerupai badan lebah.

Sebagaimana masyarakat semut dan lebah mempunyai peringkat raja, permaisuri dan rakyat jelata maka di dalam masyarakat anai-anai demikian juga keadaannya.

Di sana ada perbezaan yang nyata di antara golongan raja-raja (bangsawan) dengan golongan rakyat biasa (tentera) dari segi potongan badan. Kalau dari golongan tentera kita dapat melihat pada sebelah kepalanya ada tumbuh dua batang belalai tajam dan runcing berbentuk seperti pedang, yang digunakan untuk mempertahankan diri daripada sebarang serangan musuh.

---

daripadanya betul-betul di hadapan beliau.

Dan kerana itu ia bangun dan bangkit bertanya: “Adakah tugas saudara pengerusi di sini sebagai wakil pemerintah Indonesia untuk menentukan siapa yang disukainya dan siapa yang tidak disukainya? Harap saudara terangkan!”

Pengerusi itu pun termenung sejurus dan berubah mukanya lalu menarik katanya dan meminta maaf.